




*Sebahagian daripada pelajar yang hadir memeriahkan program* ***Jom Belajar Sambil Berniaga.***

# UTHM anjur **Jom Belajar Sambil Berniaga**

**Batu Pahat:** Seramai 300 pelajar menyertai program Jom Belajar Sambil Berniaga yang dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniaagan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), baru-baru ini.

Program dicetuskan Pengarah Teknologi Keusahawanan UTHM, Prof Madya Dr Wan Fauziah Wan Yusoff, bertujuan melahirkan modal insan yang berkualiti serta mempunyai sifat keusahawanan untuk menjana pendapatan sendiri.

**Projek akhir**

Selain itu, mempunyai objektif melahirkan lebih ramai usahawan yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada tranformasi ekonomi negara.

Pelbagai acara diadakan sepanjang festival itu, antaranya pembentangan projek akhir subjek Pengurusan Perkhidmatan oleh pelajar tahun tiga Pengurusan Teknologi.

Turut diadakan pertandingan pembentangan gerai jualan serta gerai pengurusan perkhidmatan.

**FAKTA NOMBOR**

**300** pelajar

menyertai program Jom Belajar Sambil Berniaga yang dianjurkan oleh UTHM